

Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan

Maznah Zakaria
E-mel: maznahzakaria87@gmail.com

Mohamat Sabri Hassan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
E-mel: msabri@ukm.edu.my

Radziah Abdul Latiff
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
E-mel: radziah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dapat dilihat bahawa pemulihan institusi wakaf telah menjadi agenda dalam komuniti Muslim di seluruh dunia. Selari dengan usaha pemulihan ini, perhatian kepada keperluan perakaunan dan pelaporan wakaf telah muncul. Pengurusan wakaf yang baru dan moden juga telah meletakkan lebih penekanan kepada prinsip-prinsip akauntabiliti dan ketelusan. Perakaunan dan pelaporan dipercayai boleh meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan pemegang amanah serta boleh dianggap sebagai sebahagian daripada urus tadbir yang baik. Kajian lepas juga turut menekankan bahawa amalan perakaunan dan pelaporan urusniaga yang menegakkan akauntabiliti nyata sukar didapati dan wujud kepelbagaian berkenaan dengan perakaunan dan pelaporan wakaf. Sejajar dengan itu, objektif kajian ini adalah mengkaji kehendak maklumat yang diperlukan oleh pemegang kepentingan dalam usaha untuk membantu Institusi Wakaf dalam menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pemegang kepentingan. Di harapkan dengan mengetahui jenis-jenis maklumat yang diperlukan oleh pemegang kepentingan, ianya dapat meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus menyokong organisasi ini di samping membantu pihak-pihak tertentu menetapkan standard terhadap perakaunan dan pelaporan wakaf.

Kata Kunci : wakaf, pelaporan, pemegang kepentingan, akauntabiliti

ABSTRACT

Over the years, it can be seen that The recovery on the agenda of waqf institution in muslim communities around the world has been prioritised. With the recovery in the line, the role of accounting and reporting requirements waqf has also emerged. Besides that, Management of new and modern endowment has also placed more emphasis on the principles of accountability and transparency. Elements of accounting and reporting are believed to be a good system in enhancing the accountability and transparency of the trustee and may be considered as part of good governance. Previous studies also state that the practice of accounting and reporting of transactions that enforce real accountability is hard to be obtained as there is diversification of accounting and reporting of waqf. Therefore, The objective of this research is to assist the waqf institution in providing the information that is needed by the stakeholders. With all the information that has been gained from the stakeholders, it is hoped that this method will be able to increase the confidence of the publics in putting their trust in this institution. On the other hand, it will help the authorities to standardise for the accounting and reporting of the waqf.

Keywords : waqf, reporting, stakeholder, accountability

PENGENALAN

Perkataan wakaf dari sudut bahasa berasal daripada perkataan “*waqafa*” yang bermaksud berhenti, mencegah ataupun menahan. Dari sudut istilah pula, wakaf bererti apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Jadi secara umumnya wakaf bermaksud menahan zat sesuatu barang daripada di jual, digadai, dihibahkan serta tidak boleh dipindahkan sebagai warisan demi manfaatnya telah disedekahkan ke jalan Allah. Wakaf merupakan satu amal soleh yang sangat dituntut oleh agama Islam. Seperti mana sedekah, wakaf juga merupakan amalan yang telah dijanjikan ganjaran pahala yang amat besar oleh Allah SWT. Malahan, apa yang lebih istimewa lagi adalah pahalanya akan berterusan dan kekal berpanjangan selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan boleh dimanfaatkan walaupun pewakafnya (*waqif*) telah meninggal dunia. Wakaf berbeza dengan zakat kerana zakat adalah wajib manakala wakaf adalah secara sukarela. Benefisiari (penerima) zakat (*lapan asnaf/kategori*) disebut secara jelas dalam Al-Quran tetapi benefisiari dana wakaf tidak dinyatakan dengan jelas. Walaupun begitu, tujuan wakaf perlulah untuk kebaikan, selagi ia tidak melanggar syariat Islam.

Wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf khas ialah wakaf yang manfaatnya telah dinyatakan secara khusus tujuan penggunaan harta tersebut ketika pewakafan dilakukan. Benefisiari wakaf telah dikenalpasti dengan jelas oleh pewakaf. Kesannya, harta wakaf tidak boleh digunakan untuk kegunaan selain daripada yang dimaksudkan dan hanya benefisiari wakaf berhak memanfaatkan harta tersebut. Misalnya, mewakafkan tanah atau hasil daripada tanah berkenaan untuk tapak masjid, surau, sekolah, perkuburan Islam atau rumah anak yatim. Pemegang amanah (*mutawalli*) wakaf tidak mempunyai kebebasan dalam hal pengurusan harta tersebut kerana terikat secara syarak dan undang-undang dengan niat pewakaf. Walau bagaimanapun, pihak pemegang amanah masih mempunyai ruang untuk menggunakan kebijaksanaannya bagi mendapatkan hasil yang lebih baik seperti menetapkan kadar sewa (Mahmood Zuhdi, 1999; Che Zuina Ismail, 2005; Norsiah & Farahdina, 2009; Sanep, 2009). Kebiasaannya, harta wakaf khas mempunyai akaun berasingan yang bertujuan untuk menjaga kepentingannya. Kedua, wakaf am merujuk kepada wakaf yang diwujudkan untuk kegunaan umum seperti kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam. Pewakaf tidak mengkhususkan tujuan penggunaan harta mahupun penentuan benefisiari wakaf kepada pihak tertentu. Harta tersebut boleh digunakan dalam pelbagai kegunaan mengikut budi bicara pemegang amanah khususnya untuk kepentingan umat Islam setempat, semasa dan masa hadapan. Contohnya, seseorang mewakafkan sebidang tanah miliknya untuk kebajikan am. Hikmahnya, pengurusan akan lebih fleksibel kerana tidak terikat dengan aspek perbelanjaan tertentu secara khusus selain bebas mengurus dalam batas-batas syarak seperti pelaburan (Mahmood Zuhdi, 1999). Hal ini menunjukkan pemegang amanah bebas untuk melakukan perancangan bagi membangunkan harta wakaf tersebut supaya mendatangkan hasil atau manfaat sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu. Manfaat harta tersebut akan diagihkan dalam apa juga bentuk kebajikan am.

Statistik yang di keluarkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Malaysia pada tahun 2012 menunjukkan bahawa harta wakaf di seluruh Malaysia dianggarkan bernilai RM 1.17 billion. Pembahagian mengikut negeri dan jenis-jenis wakaf dapat dilihat dalam Jadual 1 (rujuk lampiran). Namun begitu, menurut kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom (2012), hanya 7.2% sahaja dari keseluruhan tanah wakaf yang terdapat di dalam negara telah dibangunkan. Sepatutnya, harta wakaf perlu dilaburkan atau dibangunkan dalam usaha untuk memastikan mereka berfungsi selama-lamanya. Sinaga (2007) turut menyokong kenyataan di atas dengan memberikan definisi wakaf untuk mengekalkan atau menghentikan hartanah dalam bentuk fizikal di mana keuntungan atau hasil pembangunan digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan. Dengan melabur dan membangunkan hartanah wakaf secara betul, faedah atau pulangan daripada pelaburan boleh digunakan untuk memenuhi niat *waqif* (penderma) dan masyarakat. Jadi, kerajaan mula sedar bahawa hartanah wakaf ini bakal menyumbang sesuatu yang besar terhadap pembangunan negara dan sejarah juga telah membuktikan bahawa wakaf boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara (Hisham, 2006; Yaacob *et al.*, 2012). Menyedari potensi dan peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi negara, kerajaan mula mengorak langkah dengan melakukan penambahbaikan dan pembaharuan. Antaranya penambahbaikan dan pembaharuan yang dilaksanakan adalah dengan menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004. Penubuhan JAWHAR yang merupakan agensi peringkat persekutuan, telah menyaksikan JAWHAR berkongsi cita-cita dengan seluruh umat Islam di negara ini untuk memacu pembangunan tadbir urus terbaik dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Cita-cita murni untuk membantu pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji supaya menjadi lebih efisien diterjemahkan

dalam perancangan untuk menjadi sebuah institusi yang unggul dalam kelasnya tersendiri pada tahun 2020. Selain itu, kerajaan juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM 256.5 juta bermula dengan program di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) diikuti dengan Bajet 2010 sebanyak RM 20 juta. Dana yang telah di peruntukkan adalah bertujuan untuk pembangunan institusi wakaf sedia ada yang dijangka mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi (Sanep & Nur Diyana, 2011).

Namun begitu, sehingga kini tidak ada pendedahan yang sepatutnya bagi aset dan liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Dalila *et al.*, 2011). Senario kes terburuk yang menjadi isu utama adalah MAIN tidak mempunyai rekod akaun wakaf yang terkini (Abdul Rahman *et al.*, 1999), kesilapan dalam rakaman transaksi kewangan di institusi agama tidak diperbetulkan dengan segera (Abdul Rahman & Goddard, 2003), laporan kewangan lapuk serta kekurangan laporan kewangan dan perakaunan oleh MAIN (Md Zain, 2006). Selain dari itu, kes-kes pecah amanah dalam entiti keagamaan yang dilaporkan di media masa, juga menunjukkan betapa pentingnya ada pelaporan yang rasmi. Fenomena perbezaan amalan perakaunan di kalangan institusi wakaf mungkin disebabkan oleh ketiadaan satandard perakaunan bagi wakaf (Hidayatul Ihsan & Muhammad Ahyar, 2011; Yaacob *et al.*, 2012). Cordery dan Morley (2005) dan Ihsan (2007) menegaskan bahawa ketidakpastian mengenai amalan perakaunan dalam sektor kebajikan dan lain-lain organisasi bukan berasaskan keuntungan (NPO) adalah bukan sahaja kerana ketiadaan standard perakaunan tetapi juga kerana kegagalan untuk mewujudkan satu definisi terhadap konsep akauntabiliti (kebertanggungjawaban) yang dapat diterima umum dalam sektor itu. Justeru itu, salah satu mekanisme yang boleh membantu MAIN dalam mengoptimalkan amanah dan ekonomi yang diberikan di samping untuk mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap institusi wakaf di Malaysia ialah dengan mempunyai sistem perakaunan dan pelaporan yang baik. Melalui sistem perakaunan dan pelaporan yang baik, organisasi termasuk wakaf boleh merancang untuk membangunkan harta wakaf dengan lebih yakin dan faedah ekonominya boleh dikecapi bersama oleh masyarakat Islam amnya.

Sehubungan dengan itu, untuk mempunyai standard perakaunan dan pelaporan wakaf yang baik, maka MAIN haruslah mengetahui keperluan maklumat yang diperlukan oleh pemegang pertaruhan. Maka, dalam konteks untuk memenuhi akauntabiliti mutawalli terhadap pihak pemegang kepentingan, kajian ini akan mengkaji kehendak maklumat yang diperlukan oleh pemegang kepentingan dalam usaha untuk membantu organisasi kebajikan (Institusi Wakaf) menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pemegang kepentingan dan seterusnya di harapkan dengan maklumat yang disediakan ini dapat meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus menyokong organisasi ini dan seterusnya dengan hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu menetapkan standard terhadap perakaunan dan pelaporan wakaf.

KONSEP WAKAF

Wakaf adalah sedekah jariah yang sangat digalakkan dalam agama Islam berbanding daripada sedekah biasa. Amalan ini dapat memberi pahala secara kekal dan berpanjangan kepada pewakaf walaupun setelah kematian pewakaf selagi mana harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan. Selain itu, wakaf diakui sebagai mekanisme penjanaan, perpindahan dan pengagihan kekayaan dalam masyarakat Islam (Ahmad Zaki *et al.*, 2005). Peranan harta wakaf sangat besar bagi pembangunan masyarakat dan negara. Jika setiap orang Islam bersedia mewakafkan sebahagian harta mereka, dijangka masyarakat Islam lebih maju seterusnya mewujudkan ekonomi yang stabil ke arah pembangunan ekonomi secara berterusan (Nik Mustapha, 1999, Norsiah & Farahdina, 2009). Kini, usaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan wakaf semakin berkembang dan dapat dilihat pada perubahan bentuk wakaf tradisional kepada bentuk wakaf kontemporari. Menerusi langkah inovasi ini, wakaf tidak lagi dikaitkan dengan keperluan umat untuk kehidupan selepas mati seperti wakaf tanah kubur, masjid dan madrasah. Hal ini kerana isu dan cabaran bagi memanfaatkan wakaf demi memenuhi keperluan kehidupan 'sebelum mati' sepatutnya lebih diberi perhatian.

PENTADBIRAN WAKAF DI MALAYSIA

Sesungguhnya amalan wakaf telah lama dipraktikkan dan menjadi sebahagian kehidupan masyarakat Islam. Amalan wakaf di Malaysia dipercayai telah wujud selama lebih daripada lapan ratus tahun (Syed Othman, 1986). Pengurusan wakaf pada ketika itu tidak rumit kerana masyarakat akur tentang hukum hakam yang berkaitan dengan wakaf. Harta wakaf diuruskan mengikut jenis wakaf tersebut. Manamana harta dan hasil wakaf khas akan digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan manakala harta

dan hasil wakaf am akan digunakan untuk kebajikan masyarakat Islam keseluruhannya. Jarang sekali berlaku salah faham pencerobohan pecah amanah atau tuntutan kembali harta wakaf oleh waris walaupun amalan pengurusan pada ketika itu hanya di lakukan secara lisan. Pemegang amanah yang dilantik dan ditugaskan sebagai pengurus pula biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai sifat amanah, disegani dan dihormati oleh masyarakat setempat seperti alim ulama, tok-tok guru, imam, ketua kampung, penghulu, ahli jawatankuasa masjid dan sebagainya. Terdapat sesetengah daripada harta wakaf telah didaftarkan atas nama pemegang amanah. Tidak kurang jumlahnya harta-harta wakaf yang langsung tidak didaftarkan sebagai wakaf, sebaliknya masih kekal atas nama pewakaf. Ada juga antara harta wakaf yang direkodkan oleh pemegang amanah sebagai harta wakaf tetapi nama pewakaf masih tercatat pada surat hak milik (Baharuddin, 1994). Ini disebabkan ketiadaan undang-undang atau sistem yang mewajibkan agar semua harta wakaf dapat didaftarkan sebagai wakaf. Di samping itu, sikap sesetengah pemegang amanah yang tidak peka untuk mendaftarkan atau membuat catatan untuk tujuan rekod peringatan tentang harta-harta yang telah pun diwakafkan (Baharuddin, 1998). Keadaan sedemikian berlarutan sehingga tertubuhnya MAIN dan selepas diperkenalkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri di Malaysia yang memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua jenis harta wakaf (Mustafa, 1991).

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan perkara-perkara undang-undang Islam diletakkan dalam Senarai Negeri (kecuali Wilayah Persekutuan). Perlembagaan Persekutuan Malaysia meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3). Di dalam Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri) pada Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan kuasa mengurus hal ehwal agama Islam kepada kerajaan negeri (kecuali Wilayah Persekutuan). Dalam sebuah negeri yang mempunyai Raja/Sultan, Raja Sultan adalah ketua agama Islam, manakala dalam negeri yang tidak mempunyai Raja Sultan; Yang di Pertuan Agong (YDA) merupakan ketua agama Islam ini. Maka di setiap negari akan ditubuhkan MAIN untuk menasihati Raja-Raja/Sultan bagi semua perkara yang berkaitan agama Islam dan setiap negeri bertanggungjawab dalam menggubal undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, perundangan yang berbeza-beza telah terwujud (Ahmad Ibrahim, 2000; Ridzuan, 1994). Penubuhan JAWHAR merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan. Jabatan ini telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pengurusan hal ehwal wakaf, zakat, mal dan haji dilaksanakan dengan lebih sistematik, cdan berkesan. Bahagian wakaf adalah salah satu bahagian di JAWHAR yang ditugaskan membantu dalam membangunkan tanah wakaf dengan lebih tersusun untuk mewujudkan kehidupan yang selesa serta meningkatkan ekonomi masyarakat keseluruhannya. Seiring dengn dorongan dan tuntutan daripada pelbagai pihak, JAWHAR telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan kewangan yang dipanggil "Pengurusan Perakaunan Waqaf" (Manual Pengurusan Perakaunan, 2007). Pada asasnya, manual ini adalah berkaitan rangka kerja perakaunan yang disesuaikan khusus untuk wakaf. Manual ini mengandungi panduan pendedahan terhadap aktiviti wakaf seperti saluran pengedaran dan pelaburan serta penyata kewangan yang menepati ciri-ciri wakaf dari perspektif Islam (JAWHAR, 2007). Dengan adanya manual ini semua MAIN di Malaysia boleh mendedahkan semua maklumat kualitatif dan kuantitatif berkaitan (Daud & Abd.Rahman, 2008) serta dapat mengurangkan masalah ketidakseragaman (Mohamed *et al.*, 2006). Manual ini dapat membantu memperbaiki dan menyeragamkan laporan wakaf serta masalah ketelusan di kalangan MAIN di Malaysia. Namun masih terdapat MAIN yang belum mengaplikasikan manual ini dalam menyediakan penyata kewangan. Ini menimbulkan masalah dalam ketelusan dan seterusnya memberi kesan ke atas tadbir urus MAIN itu sendiri.

KEPENTINGAN PERAKAUNAN DAN PELAPORAN WAKAF

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dapat dilihat bahawa pemulihan institusi wakaf telah menjadi agenda dalam komuniti Muslim di seluruh dunia. Banyak persidangan wakaf antarabangsa telah diadakan di seluruh dunia. Ini termasuklah di Singapura, Bangladesh dan Afrika Selatan 2007; Dubai 2008 dan Iran 2008 dan beberapa negara-negara lain. Selain dari itu, institusi seperti Bank Pembangunan Islam (IDB) melalui anak syarikat Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI) telah berjaya meningkatkan minat dan kesedaran menjadikan institusi wakaf sebagai salah satu instrumen untuk membangunkan masyarakat (Cajee, 2008). Bersama-sama dengan kebangkitan institusi bersejarah ini, perhatian kepada tuntutan perakaunan wakaf telah muncul. Pengurusan wakaf baru dan moden telah meletakkan lebih penekanan kepada prinsip-prinsip akauntabiliti dan ketelusan (Cajee, 2008). Oleh itu, sebagai sebahagian daripada urus tadbir yang baik dan amalan terbaik institusi wakaf, perakaunan dipercayai boleh meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan ke atas mutawalli (Adnan *et al.*, 2007). Selain itu, perakaunan adalah instrumen untuk Mutawalli memperlihatkan akauntabiliti

kepada pelbagai pihak pemegang kepentingan seperti waqif (pewakaf), lembaga wakaf, kerajaan dan masyarakat (Ihsan & Shahul, 2007). Berdasarkan kajian lepas, wujud beberapa situasi yang berkaitan organisasi kebajikan dan seterusnya menimbulkan keperluan terhadap pelaporan. Situasi ketidaktelusan dalam MAIN baru-baru ini telah menyebabkan kegagalan dalam meyakinkan orang ramai (Dalila, Rashidah & Zaluddin, 2011). Dalam beberapa kes, didapati bahawa pihak pengurusan kurang memberi perhatian terhadap niat pewaqif (Ihsan & Ibrahim, 2006). Contohnya yang berlaku di Kg Makam iaitu tanah wakaf di Pulau Pinang pada tahun 2009. Pada masa ini, tanah itu kini dihuni oleh 140 keluarga. Pada mulanya, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan RM40juta untuk pembangunan tanah wakaf dan RM60juta sebagai kos tambahan (digunakan untuk perbelanjaan berpindah) bagi mereka yang tinggal di tanah itu. Kerajaan bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) telah bersetuju untuk membina sebanyak 151 unit kediaman untuk fasa pertama di tapak wakaf itu. Malangnya, masyarakat yang tinggal di situ tidak memberi kerjasama penuh kepada kerajaan. Mereka mendakwa tanah itu sebagai tanah rizab kerajaan dan menuntut perbelanjaan kerugian serta enggan berpindah, sedangkan tanah itu merupakan tanah wakaf yang berkaitan dengan keagamaan. Akhirnya, kerajaan dan MAIPP bersetuju untuk tidak meneruskan pembangunan di atas tanah ini. Ini adalah satu kerugian yang besar untuk orang ramai terutamanya pewakaf yang niatnya tidak dapat dipenuhi.

Masalah ini wujud kerana kekurangan ketelusan dalam pengurusan MAIN (Daud & Abd Rahman, 2008) dan ia merupakan satu isu yang perlu benar-benar dimansuhkan. Ketiadaan maklumat perakaunan dan maklumat bukan kewangan yang dipercayai dianggap sangatlah kritikal. Kurangnya ketelusan dan ketidaksediaan maklumat yang boleh dipercayai membawa kepada pelaburan yang besar dalam sektor-sektor yang tidak produktif serta kurangnya mendapat sokongan orang ramai. Atas sebab ini, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan maklumat penting bagi pelaporan wakaf seperti yang dinyatakan sebelum ini. Kebanyakan kajian lepas berkaitan wakaf adalah kurang membincangkan tentang isu-isu teknikal sekitar perakaunan dan pelaporan transaksi wakaf. Selain itu, disebabkan ketiadaan standard laporan kewangan khusus untuk wakaf (sebagai badan kebajikan dan bukan entiti berasaskan keuntungan) maka mutawallis (terutama di Malaysia) hanya mempunyai rangka kerja perakaunan dan pelaporan kewangan untuk syarikat berorientasikan keuntungan sebagai rujukan. Ini menimbulkan beberapa isu-isu teori dan praktikal yang berkaitan dengan transaksi wakaf (Hairul Suhaimi & Hisham, 2011). Dalam usaha untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan, adalah wajar pihak pengurusan MAIN untuk menilai dan membekalkan maklumat dan manfaat mengikut permintaan terutamanya kepada pengguna yang memerlukan. Institusi wakaf perlu terus mencari jalan untuk menguruskan isu-isu baru dan isu-isu berbangkit yang berkait rapat dengan pewakaf (potensi/sediaada) dan benefisiari di samping menilai kuasa pemegang pertaruhan. Kesimpulannya, maklumat perlu disediakan kepada potensi pewakaf (orang ramai) kerana mereka mempunyai kepentingan yang besar dalam organasasi di samping pewakaf yang sedia ada. Dengan tidak telus kepada orang ramai, orang ramai tidak tahu apa yang sebenarnya terjadi di sebalik pembangunan harta wakaf. Orang ramai tidak tahu apa MAIN lakukan dengan harta wakaf. Sebagai hakikatnya, orang ramai tidak mahu memberi apa-apa kerjasama yang lebih pada masa kini, mengurangkan jumlah dana untuk didermakan dan juga turut mewujudkan masalah. Maka, andaian bahawa amalan laporan perlu disesuaikan kepada bidang-bidang tertentu boleh digunakan sebagai langkah untuk mengenal pasti amalan-amalan akauntabiliti tersendiri organisasi tersebut (Hardy & Ballis, 2013) dan seterusnya mengklasifikasikan maklumat apa yang diperlukan oleh pemegang kepentingan tertentu.

WAKAF DAN AKAUNTABILITI

Perakaunan dan pelaporan adalah salah satu cara untuk Mutawalli (Institusi wakaf) melaksanakan akauntabiliti. Berdasarkan kepada hakikat bahawa harta wakaf berguna untuk kepentingan awam, maka skop akauntabiliti Mutawalli adalah berbeza daripada pengurus korporat, di mana mereka perlu bertanggungjawab kepada pelbagai pemegang pertaruhan seperti pewakaf (waqif), lembaga wakaf, pekerja wakaf, pengawal selia, ahli waris, dan seterusnya kepada komuniti. Akauntabiliti Mutawalli boleh dilihat dalam akauntabiliti Islam yang dinamakan sebagai dwi-akauntabiliti (Shahul, 2000). Dwi-akauntabiliti memberi takrifan bahawa sebagai khalifah Allah (hamba Allah), manusia bertanggungjawab terhadap semua yang diamanahkan, dan di samping itu, mereka perlu melaksanakan segala perjanjian yang telah di buat. Sesungguhnya, jenis akauntabiliti ini adalah lebih sesuai untuk wakaf bukan sahaja kerana perbuatan wakaf adalah berlandaskan tuntutan agama tetapi juga ia melibatkan kepentingan umat Islam (orang awam). Dalam kajian ini, model yang akan digunakan adalah Model Akauntabiliti Wakaf seperti yang dicadangkan oleh Hisham (2006) dan Ihsan (2007). Kedua-dua kajian ini dipilih kerana kajian ini adalah berkaitan dengan wakaf dan tidak ada lagi kajian-kajian lain yang membincangkan model akauntabiliti wakaf. Model Akauntabiliti Wakaf yang

dicadangkan sama ada oleh Hisham (2006) atau Ihsan (2007) adalah sangat serupa, walaupun Ihsan mendakwa bahawa beliau telah melakukan kajian lanjutan daripada kajian Hisham. Walaupun begitu, perlu diingatkan bahawa model ini telah dibangunkan daripada cadangan Shahul (2000) yang berkaitan dengan dwi-akauntabiliti. Model Akauntabiliti Wakaf yang digunakan adalah seperti dalam Rajah 1.

--rujuk rajah 1 Model Akauntabiliti Wakaf seperti di lampiran--

Memandangkan definisi dwi-akauntabiliti dalam wakaf telah diberikan di atas, kini wujud satu persoalan iaitu: bagaimana untuk melaksanakan akauntabiliti ini? Sebelum ini, telah dinyatakan bahawa wakaf adalah amalan keagamaan dan ia juga adalah untuk rmanfaat orang ramai. Oleh itu perkara utama sekali, semua pihak iaitu mutawallis, waqif, lembaga wakaf dan penggubal undang-undang perlu menunaikan tanggungjawab mereka kepada Allah. Akauntabiliti ini dikenali sebagai akauntabiliti utama (hubungan dengan Allah). Dalam rajah 1, akauntabiliti utama ini diwakili oleh anak panah putus-putus yang bermaksud ulung kerana ia tidak boleh dilihat melalui pancaindera. Walaupun jenis akauntabiliti ini adalah ulung, Shahul (2000) berpendapat ia boleh dilaksanakan dengan memenuhi semua perintah Allah dan mengelakkan segala larangan-Nya dan sebagai contoh, dalam menguruskan harta wakaf, Mutawalli tidak boleh melanggar peraturan syariah. Pada masa yang sama, Mutawalli perlu menunjukkan akauntabiliti dalam memenuhi objektif wakaf seperti yang diharapkan oleh waqif. Selain itu, Mutawalli perlu memastikan bahawa harta wakaf tersebut dapat di sumbangkan untuk kemajuan umat Islam. Walaupun wujud sifat abstrak akauntabiliti terhadap Allah, tetapi ia tidak bermaksud bahawa tiada apa-apa kaitan dengan pelaporan. Cutt dan Murray (2000) menyatakan bahawa secara umumnya akauntabiliti dapat diklasifikasikan sebagai maklumat yang berasaskan sistem pengurusan maklumat, kaedah analisis dan penilaian yang berkaitan. Ini dapat diterjemahkan dalam kehidupan manusia dimana setiap perbuatan di rekod oleh Malaikat dan akan dihisab Allah. Tetapi akauntabiliti terhadap Allah adalah saling berkaitan dengan akauntabiliti kepada manusia (hubungan dengan manusia) (Abdul Rahim, 2003). Oleh itu, dalam erti kata lain, pelaporan yang jelas dari Mutawalli akan membolehkan pengguna untuk melihat bagaimana Mutawalli patuh kepada peraturan syariah dalam menguruskan harta wakaf. Cajee (2007) turut menyokong kenyataan ini dan mencadangkan idea untuk menyediakan perkhidmatan perunding syariah dan melaksanakan pengauditan yang berlandaskan syariah bagi memastikan pengurusan wakaf mematuhi hukum syariah serta untuk memastikan penggunaan harta wakaf ke arah jalan yang betul.

Di samping itu, pada masa yang sama juga Mutawalli perlu bertanggungjawab kepada pelbagai pemegang kepentingan. Penentuan pemegang kepentingan untuk organisasi bukan untung mungkin sukar kerana ia melibatkan banyak pihak. Hisham (2006) dan Ihsan (2007) mengenal pasti pemegang kepentingan wakaf adalah terdiri daripada pewakaf (waqif), lembaga wakaf, penggubal undang-undang, benefisiari, dan orang ramai. Cajee (2007) telah mengelaskan pemegang pertaruhan di atas sebagai pemegang kepentingan utama. Beliau juga turut menyatakan bahawa pemegang kepentingan wakaf boleh menjadi lebih luas di mana ia melibatkan NGO, ahli politik, ahli perniagaan, ahli akademik dan Perkhidmatan Kewangan Islam. Dapat dirumuskan bahawa pemegang kepentingan wakaf adalah berbilang dan dinamik. Berhubung dengan akauntabiliti wakaf di atas, Hisham (2006) dan Ihsan (2007) menjelaskan bahawa akauntabiliti kepada pemegang kepentingan boleh dilaksanakan melalui sistem perakaunan Islam. Ini bermaksud Mutawalli perlu menyediakan laporan kepada pewakaf, lembaga wakaf, benefisiari dan masyarakat. Walau bagaimanapun, kedua-dua Hisham (2006) dan Ihsan (2007) tidak menjelaskan apa jenis maklumat perlu disediakan oleh Mutawalli serta kepada siapakah keutamaan perlu diberikan. Maka dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti keperluan maklumat pemegang kepentingan supaya Mutawalli boleh membekalkan maklumat yang relevan. Cordery dan Morley (2005) mengakui bahawa mengenal pasti kehendak pemegang kepentingan akan dapat membantu memperbaiki standard perakaunan atau peraturan-peraturan yang berkaitan. Dalam erti kata yang luas, akauntabiliti adalah lebih daripada perakaunan, tetapi lebih memberi tumpuan kepada keperluan maklumat pengguna (Connolly & Hyndman, 2004). Ia harus di ingatkan bahawa dalam menunaikan akauntabiliti ia harus mempertimbangkan kedua-dua laporan iaitu laporan kuantitatif dan laporan kualitatif (Cordery & Morley, 2005) iaitu laporan kewangan dan laporan bukan kewangan. Perlu diingatkan juga, tetapi kajian ini hanya akan mengambil pemegang kepentingan jenis potensi pewakaf sahaja. Ini kerana potensi waqif di anggap penting dalam usaha untuk menggalakkan mereka menderma. Jadi, amatlah perlu mengetahui kehendak maklumat yang mereka perlukan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian luar yang berbentuk siasatan dengan menggunakan soal selidik (Deegan & Rankin, 1999). Kelebihan menggunakan kaedah ini ialah kerana ia dapat mencapai responden yang sukar dihubungi, kos yang rendah, dapat meliputi kawasan yang jauh dan memberi

ruang masa kepada responden untuk berfikir sebelum menjawab soalan (Cooper & Schindler, 2003). Responden kajian ini adalah potensi pewakaf yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mempunyai Bahagian/Unit Wakaf sahaja. Sampel dikehendaki memberi maklumabalas terhadap soal selidik yang berstruktur.


RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Selaras dengan tujuan kajian ini iaitu untuk mengesapasti maklumat pelaporan yang diperlukan oleh potensi pewakaf diharapkan dapat dijadikan sumbangan kepada pihak penggubal undang-undang dalam menetapkan standard terhadap perakaunan dan pelaporan wakaf. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan akauntabiliti institusi wakaf dalam memenuhi kehendak pemegang kepentingan dan seterusnya di harapkan dapat meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus menyokong organisasi ini.

RUJUKAN

- Dalila Daud, Rashidah Abdul Rahman & Zaluddin Sulaiman. (2011). Waqf Reporting To Fulfill Stakeholder Attribution in Waqf Islamic Councils. *Business Management Quarterly Review (BMQR)*, 2, 38–53.
- Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob. (2011). Accountability in the sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2), 87–113
- Hardy, L. & Ballis, H. (2013). Accountability and giving accounts: Informal reporting practices in a religious corporation. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 26(4), 539–566.
- Hidayatul Ihsan & Muhammad Ahyar Adnan. (2011). Waqf Accounting and The Construction of Accountability. *Humanomics*, 27(4), 252–269.
- Nur Barizah Abu Bakar & Zakiah Saleh. (2011). Public sector accounting research in Malaysia: Identifying gaps and opportunities. *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 1(1), 23–52.
- Palmer, P. D. (201) 3. Exploring attitudes to financial reporting in the Australian not-for-profit sector. *Accounting and Finance*, 53, 217–241.
- Razali Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saunah Zainon, Ruhaya Atan & Yap Bee Wah. (2012). Bridging the Expectation Gap of the Institutional Donors and Charity Management: Preliminary Insights Evidence. *Journal of Accounting, Business & Management*, 19(1), 69–89.

LAMPIRAN



RAJAH 1: Model Akauntabiliti Wakaf (Sumber-Hisham 2006 dan Ihsan 2007)

JADUAL 1: Statistik tanah wakaf di Malaysia tahun 2012

NEGERI	KELUASAN TANAH WAKAF (HEKTAR)		JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)	NILAI TANAH WAKAF (RM)
	AM	KHAS		
Johor	1,422.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00
Kedah	158.62	1,086.25	1,244.88	1,997.00 *
Kelantan	16.01	157.63	173.65	56,703,373.00
Melaka	11.65	21.60	33.25	66.50 *
Negeri Sembilan	1.01	14.49	15.50	36.00 *
Pahang	0.00	723.82	723.82	18,000,000.00
Perak	116.12	0.00	116.12	383.00 *
Perlis	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00
Sabah	2,062.88	32.07	2,094.95	98.00 *
Sarawak	6.86	4.04	10.90	1,416,781.90
Selangor	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00
Terengganu	581.66	1,878.58	2,460.24	42,623,196.19
W. Persekutuan	0.49	1.59	2.08	16.00 *
JUMLAH	4,836.50	6,255.32	11,091.82	1,177,084,449.59

(*sehingga kini tidak dapat dipastikan sebab nilai yang rendah) Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)